

19/06/1999

Mahathir Bapa Kemerdekaan Ekonomi Negara

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini diberi gelaran Bapa Kemerdekaan Ekonomi Negara oleh wakil Badan Perhubungan Umno Melaka, Nawawi Ahmad.

Menurut Nawawi, gelaran itu wajar kerana Perdana Menteri berjaya mempertahankan negara daripada dijajah kuasa asing melalui Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

Beliau berkata, penjajahan ekonomi dan politik boleh berlaku sebaik saja Malaysia menerima bantuan IMF tetapi tawaran itu ditolak oleh Perdana Menteri.

"Jika ekonomi terus jatuh, kemerdekaan negara akan tergadai dan kuasa politik akan diserahkan kepada kuasa asing.

"Negara terselamat daripada menjadi boneka kuasa asing dengan kebijaksanaan Dr Mahathir," katanya ketika menyokong usul ucapan dasar Presiden.

Nawawi yang juga wakil Umno Bahagian Jasin berkata, rakyat Thailand turut menyokong Dr Mahathir dalam melaksanakan dasar ekonomi walaupun mereka berbeza agama dan negara.

Mereka menyatakan sokongan kepada Dr Mahathir kerana Malaysia tidak menerima bantuan IMF, katanya.

Mengenai penyelewengan Pas, beliau berkata parti itu memberi jaminan orang ramai yang mengundi calon Pas, akan masuk syurga.

"Ini bermakna Irene Fernandez (Pengerusi Tenaganita) boleh masuk syurga jika masuk Pas dan Lim Kit Siang (Setiausaha Agung DAP) boleh bersalam dengan Hadi (Timbalan Presiden Pas) di syurga," katanya.

Menurutnya, Umno Melaka sudah melancarkan kempen besar-besaran melawan dakwah Pas yang mengelirukan orang ramai.

Sehubungan itu, katanya, Umno Melaka mencadangkan beberapa langkah untuk memastikan Umno terus unggul dan dapat melawan parti pembangkang, iaitu:

- * Merapatkan hubungan baik sesama ahli dan melupakan sensitiviti kelompok bagi memastikan kesatuan Umno terus kukuh.

- * Menghayati budaya demokrasi dalam parti iaitu setiap ahli mesti sanggup menerima budaya pertandingan sama ada menang atau kalah, dan

- * Mengurangkan kritikan dalaman, sebaliknya fikiran dan perasaan sepatutnya ditumpukan kepada usaha menewaskan parti pembangkang.

(END)